



Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 7(49)
Tarikh : 23 Jamadilakhir 1445H
: 5 Januari 2024M

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri,
Jabatan Kehakiman Syariah/ Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

ARAHAN AMALAN NO. 11 TAHUN 2023

PEMAKAIAN PROSEDUR OPERASI STANDARD
(STANDARD OPERATION PROCEDURE – SOP)
PELAKSANAAN HUKUMAN SEBATAN DI LUAR PENJARA
BAGI PESALAH SYARIAH

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 30 Rabiulakhir 1445H - 2 Jamadilawal 1445H bersamaan 14hb – 16hb November 2023M di Hotel Dorsett, Wilayah Persekutuan Labuan yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan prosedur serta pelaksanaan hukuman sebatan di luar penjara bagi pesalah syariah hendaklah berpandukan Prosedur Operasi Standard (Standard Operation Procedure - SOP) Pelaksanaan Hukuman Sebatan di Luar Penjara bagi Pesalah Syariah yang telah ditetapkan sepertimana di Lampiran.

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta.



(DATO' HAJI MOHD AMRAN BIN MAT ZAIN)

Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA